

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (42)

20 Julai 2020
28 Zulkaedah 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 38/2020

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa permohonan bagi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar) Gred Utama B (VU6) (Terbuka)** di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan.

2. Sebagai makluman, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka bagi membolehkan semua staf akademik Universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut. Berikut adalah maklumat jawatan, kriteria umum dan kriteria khusus bagi pemilihan jawatan tersebut:

Maklumat Jawatan:

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6) (Terbuka)
Taraf Lantikan	: Secara Pertukaran Sementara / Peminjaman / Kontrak
Tempoh :antikan	: Tiga (3) Tahun
Gaji Hakiki	: Minimum: RM8,315.00 – Maksimum: RM22,445.00

Kriteria Umum:

- i) **Kecemerlangan Akademik**
Mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehampuan calon.
- iv) **Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan (*proven track record*) serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v) **Personaliti**
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti, Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

Kriteria Khusus:


- i) **Berkemampuan Menguruskan Urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Mahasiswa**
Mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan Hal Ehwal Mahasiswa. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan mahasiswa, terutama Majlis Perwakilan Mahasiswa agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.
- ii) **Aktif Dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan Dalam Mereka Bentuk dan Melaksanakan ko-kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Mahasiswa Secara Holistik**
Mahir dalam mereka bentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan mahasiswa serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada mahasiswa untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

- iii) **Penglibatan Dalam Jawatankuasa yang Berkaitan Hal Ehwal Mahasiswa:**
Mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati mahasiswa bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam kerana akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa, Jawatankuasa Tatatertib Mahasiswa dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal mahasiswa. Mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati mahasiswa dan mengetahui permasalahan mereka.
- iv) **Berpengalaman Dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman:**
Mempunyai asas dalam pengurusan kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEP). Mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan Mahasiswa agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.
- v) **Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas Serta Dihormati Dalam Kalangan Alumni:**
Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.
4. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, boleh dipohon secara atas talian melalui pautan **www.registrar.utm.my/borang-permohonantnchep**.
5. Semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **11 Ogos 2020 (Selasa)**.
6. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi Puan Nor Azizah binti Ismail (norazizah@utm.my/07-5530297)

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAUDDIN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
- Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah